



BAB 4 : KOMPOSIS KIMIA DALAM SEL (part 1)

SOALAN OBJEKTIF

1. Manakah sebatian bukan organik ?
A Nasi
B Ayam
C Air
D Sawi
2. Antara yang berikut, yang manakah proses penguraian dipeptida kepada asid amino ?
A Kondensasi
B Pemanasan
C Penambahan asid
D Hidrolisis
3. Antara yang berikut, yang manakah bentuk simpanan karbohidrat berlebihan dalam tumbuhan ?
A Kanji
B Glikogen
C Glukosa
D Selulosa
4. Antara yang berikut, karbohidrat yang manakah merupakan disakarida ?
A Fruktosa
B Laktosa
C Kanji
D Galaktosa
5. Pernyataan di bawah menunjukkan hidrolisis 4 jenis karbohidrat yang berbeza.

M :	Maltosa	+	air	→	glukosa	+	glukosa
N :	Galaktosa	+	air	→	glukosa	+	laktosa
O :	Sukrosa	+	air	→	glukosa	+	fruktosa
P :	Fruktosa	+	air	→	glukosa	+	sukrosa

Yang manakah benar ?

- | | | | |
|---|----------------|---|----------------|
| A | M dan N sahaja | B | O dan P sahaja |
| C | N dan O sahaja | D | M dan O sahaja |


6. Apakah komposisi unit asas bagi lemak ?

- A Satu molekul asid lemak dan tiga molekul gliserol
- B Satu molekul asid lemak dan satu molekul gliserol
- C Tiga molekul asid lemak dan satu molekul gliserol
- D Tiga molekul asid lemak

7. Ciri lemak tepu manakah yang membezakannya daripada lemak tak tepu ?

- A Tidak mengandungi kolesterol
- B Mengandungi nisbah jisim oksigen yang tinggi
- C Berasal dari sumber tumbuhan
- D Tidak mempunyai ikatan ganda dua di antara atom-atom karbonnya

8. Rajah menunjukkan satu struktur protein yang telah mengalami proses X.



Apakah proses X ?

- | | |
|--------------|----------------|
| A Hidrolisis | B Nyahasli |
| C Kondensasi | D Pendeaminaan |


9. Maklumat berikut menunjukkan molekul kanji melalui proses M.



Apakah proses M ?

- | | |
|----------------|----------------|
| A Fotosintesis | B Kondensasi |
| C Hidrolisis | D Pempolimeran |

10. Rajah menunjukkan satu jenis struktur molekul protein.



Apakah jenis struktur tersebut ?

- | | | | |
|---|------------------|---|--------------------|
| A | Struktur primer | B | Struktur sekunder |
| C | Struktur tertier | D | Struktur kuartener |